

SOALAN NO: 465

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
RUJUKAN : BL11 [PR-1361-T02030]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status terkini hakmilik bagi Apartmen Melati Impian.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, permohonan hakmilik strata Apartmen Melati Impian akan dikemukakan ke Pejabat Tanah & Galian Wilayah Persekutuan setelah mendapat Sijil Perakuan Siap & Pematuhan (CCC) rumah sampah baharu di lokasi yang telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pelan bangunan bagi rumah sampah baharu telah diluluskan oleh DBKL dan pihak pemaju sedang menyelaraskan pembinaan rumah sampah tersebut. DBKL akan memantau kerja-kerja pembinaan rumah sampah berkenaan supaya permasalahan hakmilik strata di Apartmen Melati Impian dapat diselesaikan.